

sukan

Atlet universiti sandaran emas Sukan SEA KL 2017

Fakta
nombor

264 ATLET IPT
wakili negara ke KL 2017

61 ATLET
sertai UNIVERSIADE 2017

Oleh Mohd Azrone
Sarabatin
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Atlet institusi pendidikan tinggi (IPT) menjadi sandaran penting negara untuk menjuarai temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 atau KL 2017 yang berlangsung pada 19 hingga 30 Ogos ini.

Tumpuan pastinya terarah kepada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Cheong Jun Hoong yang muncul juara dunia dalam acara 10 meter platform wanita di Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary pada 20 Julai lalu.

Jun Hong terpaksa melupakan temasya Sukan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) 2017 di Taipei, Taiwan pada tarikh sama kerana kudratnya diperlukan negara untuk muncul juara keseluruhan KL 2017.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata seramai 264 atlet atau 30.2 peratus daripada jumlah keseluruhan 874 atlet yang mewakili negara di KL 2017 adalah atlet IPT meliputi Universiti Awam (UA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

Katanya, peratusan itu menunjukkan hasrat kementerian melalui Dasar Pembangunan Sukan IPT untuk mencapai 30 peratus atlet mewakili negara dari IPT berada pada landasan yang betul dan mencapai sasaran.

Pingkat pencapaian

"Kementerian berharap jumlah ini dapat ditingkatkan untuk temasya sukan dunia yang disertai Malaysia pada masa depan," katanya dalam teks ucapan sempena majlis penyerahan Jalur Gemilang dan lafaz ikrar kontinjen mewakili negara ke UNIVERSIADE 2017, di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Chin yang kemudian menyerahkan Jalur Gemilang kepada Chef de Mission negara ke temasya sukan universiti dwitahunan itu, Prof Datuk Dr Abdullah Mohamad Said.

Malaysia memenangi tiga pingat gangsa dalam temasya sama di Kazan, Russia pada 2013 dan dua gangsa di Gwangju, Korea Selatan dua tahun lalu.

UNIVERSIADE 2017 di Taipei akan disertai 200 negara dan menjadi medan kompetitif untuk meningkatkan tahap pencapaian dan kebersaingan atlet kebangsaan di peringkat dunia.

Dalam pada itu, berucap dalam sidang media sama, Dr Abdullah berkata seramai 61 atlet mengambil bahagian pada UNIVERSIADE 2017 dan jumlah itu adalah agak kecil kerana tarikhnya



DR Mary Yap Kain Chin (empat kiri) menyerahkan Jalur Gemilang kepada Prof Abdullah (dua kanan).

bertembung dengan penganjuran KL 2017.

Katanya, Malaysia mengambil bahagian dalam enam acara iaitu badminton, memanah, golf, wushu, olahraga dan bola sepak dengan sasaran empat pingat gangsa.

Beliau berkata, sanda-

ran pingat diletakkan kepada empat atlet, iaitu Chan Lu Yi dalam acara wushu, Zulfadhli Zulkifli (badminton), Fatin Nurfa-tehah Mat Salleh (memanah compound) dan Mohamad Ifran Shamsuddin (lempar cakera).

"Kita harus realistik

kerana boleh dikatakan semua atlet elit negara akan terbabit dalam membantu Malaysia untuk muncul juara keseluruhan KL 2017 termasuk Jun Hoong yang juga juara dunia dalam acara 10 meter platform wanita," katanya.